

23/01/2001

Tindakan jika tidak terima yuran ahli

Kadir Dikoh; Norazmi Abdul Talib; Rahman Hashim

MELAKA, Isnin - Ketua bahagian dan cawangan yang enggan menerima pembayaran yuran ahli parti, hari ini diberi amaran akan diambil tindakan oleh Badan Perhubungan Umno negeri.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, mereka yang tidak dibenarkan membayar yuran boleh berbuat demikian terus di ibu pejabat Umno perhubungan negeri.

Beliau berkata, sesetengah ketua atau setiausaha cawangan didapati enggan menerima yuran keahlian orang tertentu supaya orang itu tidak dapat hadir ke mesyuarat.

"Dengan cara ini, ahli itu tidak dapat hadir mesyuarat. Kerana tidak hadir mesyuarat, maka dianggap tidak ada tentangan daripada ahli yang berkenaan.

"Saya sudah mencadangkan kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri bahawa jika ini berlaku, panggil ketua cawangan supaya amaran diberi kepadanya.

"Ahli yang dinafikan hak membayar yuran boleh membayar terus yuran itu kepada ibu pejabat Umno perhubungan negeri bagi membolehkannya menghadiri mesyuarat cawangan," katanya selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno selama kira-kira tiga jam di sini petang ini.

Mesyuarat itu dipengerusikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Bagaimanapun, Dr Mahathir meninggalkan mesyuarat itu selepas kira-kira sejam ia berlangsung kerana selsema.

MT Umno dalam mesyuaratnya di Kuala Lumpur baru-baru ini memutuskan mesyuarat cawangan diadakan mulai 1 hingga 31 Mac. Tahun ini tidak ada pertandingan pada peringkat cawangan kecuali bahagian. Mesyuarat bahagian pula dijadualkan April depan.

Abdullah berkata, proses membayar yuran itu sekarang sudah bermula sehingga akhir bulan ini tetapi ibu pejabat Umno mendapat maklumat iaitu ada ahli-ahli yang ditegah daripada membayar yuran.

Katanya, tindakan itu menyalahi perlembagaan dan tidak dibenar sama sekali kerana semua ahli berhak membayar yuran.

"Ini amat mendukacitakan kerana masih ada ketua (cawangan dan bahagian) atau setiausaha bahagian yang tidak mahu menerima yuran ahli. Pelbagai alasan diberi," katanya.

Bagaimanapun katanya, jumlah cawangan yang berbuat demikian belum diketahui kerana proses membayar yuran sudah bermula dan mesyuarat cawangan pula akan bermula tidak lama lagi.

Katanya, masalah seumpama ini kerap kali timbul setiap kali mesyuarat cawangan hendak diadakan.

Beliau berkata, perkara ini diserahkan kepada badan perhubungan Umno negeri untuk menanganinya kerana ia juga mempunyai rekod ahli-ahli Umno berdaftar di kawasan masing-masing.

Mengenai Puteri Umno, beliau berkata msyuarat MT hari ini tidak membincangkannya.

Katanya, ini kerana banyak perkara dibincangkan dalam mesyuarat itu dan Dr Mahathir pula terpaksa meinggalkan mesyuarat lebih awal.

"Perkara ini lebih baik dibincangkan apabila Perdana Menteri ada bersama," katanya.

(END)